

ERA BARU

DATE: 2 / 5 / 2008

Ahli UMNO Kedah bela Dr Mahathir

OLEH PENULIS POLITIK

Era Baru -
2/5/2008

ERA BARU difahamkan beberapa orang Menteri yang mengeritik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana membuat teguran kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tentang pentadbirannya yang lemah sehingga membawa kepada kekalahan dalam pilihan raya umum lalu, telah dibelasah oleh ahli-ahli UMNO Kedah ketika membuat pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak dan rombongannya baru-baru ini.

Menteri-menteri yang mengkritik keras Tun Dr Mahathir ialah Dato' Shabery Chik, Dato' Nazri Aziz dan Dato' Zahid Hamidi. Mereka ini telah dimarahi dan dikecam hebat kerana tidak menghormati atau berterima kasih dan menghargai teguran telus dari bekas Perdana Menteri itu yang hanya berniat untuk memperbetulkan UMNO yang sedang sakit.

Ahli-ahli UMNO yang membela Dr Mahathir memberitahu iaitu UMNO di Kedah sungguh bernasib baik kerana menang di empat kawasan Parlimen yang ada kaitan dengan Dr Mahathir seperti Langkawi, Jerlun, Kubang Pasu dan Alor Setar. Jika tidak kerana para pengundi mengenangkan kepada jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada Negeri Kedah, kemungkinan besar kerusi-kerusi tersebut juga telah hilang kepada pembangkang. Oleh itu, Tun Dr Mahathir tidak boleh dipersalahkan diatas kekalahan UMNO / BN seperti yang dilemparkan oleh Perdana Menteri.

Justeru, mereka ini menggesa pucuk pimpinan UMNO supaya lebih berhati-hati dan menghormati serta mendengar nasihat dari Dr Mahathir yang telah mentadbir negara selama 22 tahun dan tidak sebaliknya.